

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah Takaful myLife Protect Prime?

Takaful myLife Protect Prime menawarkan perlindungan takaful untuk **50** tahun. Ia membayar manfaat sekali gus sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami keilatan menyeluruh dan kekal ("KMK") semasa tempoh sijil. Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru', Wakalah, Jualah, Qard** dan **Hibah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai Ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM10,555.49** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Pelan Asas

Kematian/KMK	Jumlah yang lebih tinggi antara RM500,000 atau baki dalam Akaun Peserta ("AP"), jika ada.
Kematian/KMK Akibat Kemalangan	Tambahan RM500,000 , sehingga 3 kali ganda amaun tersebut bergantung kepada Peristiwa Kemalangan.
Kematian Semasa Menunaikan Haji/Umrah	Tambahan RM1,500,000 .
Pemulihan Tahunan KMK	RM40,000 akan dibayar untuk 5 tahun berturut-turut selepas tuntutan KMK diluluskan.
Penyakit Membawa Maut	RM100,000 . Jumlah perlindungan asas akan dikurangkan sebanyak amaun yang sama seperti yang telah dibayar di bawah manfaat ini.
Penjagaan Vital	Jumlah caruman sebanyak RM5,277.75 yang bersamaan 6 bulan caruman takaful, sekiranya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi melebihi 5 hari.
Kematian Akibat Kemalangan untuk Keluarga	RM10,000 sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan ke atas ahli keluarga sebelum umur 70, sehingga jumlah maksimum RM40,000 secara keseluruhan.
Ganjaran Meraikan Kehidupan	50% daripada caruman takaful tahunan, dihadkan kepada RM2,000 bagi setiap Peristiwa Meraikan Kehidupan.
Matang	Sebarang baki dalam AP.

Pilihan Rider (Manfaat Tambahan Pilihan)

myProtect Booster	Manfaat tambahan sebanyak 10% hingga 50% daripada jumlah perlindungan asas, meningkat setiap 5 tahun, akan dibayar apabila berlaku kematian atau KMK.
-------------------	---

Nota:

- Jumlah manfaat untuk kematian/KMK akan dikurangkan sekiranya kejadian tuntutan berlaku orang yang dilindungi berumur bawah 5 tahun.
- Manfaat ini memberikan perlindungan hanya sehingga umur 70, untuk kematian/KMK akibat kemalangan dan kematian semasa menunaikan Haji/Umrah.

Takaful keluarga anda **tidak melindungi**:

- kematian akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama; dan
- KMK yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau KMK berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran untuk pengecualian-kecualian tambahan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan
RHB terdekat



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my



Imbas kod QR untuk merujuk
Lampiran bagi maklumat lanjut

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman Takaful | Pelan Asas: **RM7,339.49** | myProtect Booster: **RM3,216.00**; setiap tahunan

Tempoh: **20** tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):

Yuran Wakalah*	Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).											
	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	55.00	45.00	40.00	30.00	30.00	30.00	30.00	25.00	20.00	20.00	-
	Asas (RM)	4,037	3,303	2,936	2,202	2,202	2,202	2,202	1,835	1,468	1,468	-
	myProtect Booster (RM)	1,769	1,447	1,286	965	965	965	965	804	643	643	-
Komisen* (sebahagian daripada yuran Wakalah)	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	30.00	20.00	15.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	-
	Asas (RM)	2,202	1,468	1,101	367	367	367	367	367	367	367	-
	myProtect Booster (RM)	965	643	482	161	161	161	161	161	161	161	-
Caj perkhidmatan	RM5 sebulan untuk Pelan Asas dan RM1 sebulan untuk setiap rider.											
Duti setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad											

* Semua jumlah dalam RM yang dinyatakan dibundarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) terdekat.

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Anda boleh menamakan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Penelitian Percuma: Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis: Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon untuk menyerahkan sijil anda dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami, dan sebarang baki di dalam AP akan dibayar.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa wakil jualan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Penerangan Produk.
- ☐ Saya sudah membaca dan memahami maklumat penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

*Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

.....
 Nama:
 Tarikh:

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah myCritical Illness Plus?

myCritical Illness Plus menawarkan perlindungan takaful terhadap penyakit - penyakit kiritikal untuk **50** tahun. Ia membayar manfaat sekali gus sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis atau menjalani pembedahan untuk mana-mana daripada 48 penyakit kiritikal dilindungi semasa tempoh sijil.

Rider ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru', Wakalah, Jualah, Qard** dan **Hibah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai Ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM6,006.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Penyakit Kiritikal	RM250,000 Nota: - Hanya RM25,000 yang akan dibayar untuk perlindungan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. Pembayaran ini tidak akan menamatkan rider ini, tetapi akan mengurangkan jumlah perlindungan rider ini sewajarnya. - Jumlah manfaat tersebut akan dikurangkan sekiranya orang yang dilindungi berumur bawah 5 tahun.
--------------------	--

Penyakit kiritikal dilindungi di bawah rider ini termasuk:

1. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal;
2. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan; atau
3. Serangan Jantung – keterukan tertentu.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran untuk senarai penuh penyakit kiritikal dilindungi.

Takaful perubatan dan kesihatan anda **tidak melindungi**:

- penyakit:
 - a) yang telah wujud sebelum perlindungan bermula;
 - b) yang disebabkan oleh sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu, atau selepas tempoh menunggu kecuali bagi penyakit kiritikal yang disebabkan kecederaan;
 - c) dengan sebarang tanda atau simptom sebelum atau semasa tempoh menunggu, walaupun diagnosis dibuat selepas tempoh menunggu;
 - d) disebabkan oleh bahan senjata nuklear, radiasi pengion, pencemaran radioaktif, atau pembakaran bahan api nuklear;
 - e) yang berlaku ketika berada di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang mengubah fikiran; atau
 - f) disebabkan kecederaan diri sendiri dan kecacatan fizikal.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan
RHB terdekat



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my



Imbas kod QR untuk merujuk
Lampiran bagi maklumat lanjut

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:												
Caruman Takaful	RM6,006.00 tahunan											
Tempoh: 20 tahun												
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):												
Yuran Wakalah*	Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).											
	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	55.00	45.00	40.00	30.00	30.00	30.00	30.00	25.00	20.00	20.00	-
	RM	3,303	2,703	2,402	1,802	1,802	1,802	1,802	1,502	1,201	1,201	-
Komisen* (sebahagian daripada yuran Wakalah)	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	30.00	20.00	15.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	-
	RM	1,802	1,201	901	300	300	300	300	300	300	300	-
Caj perkhidmatan	RM1 sebulan											
Duti setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad											

* Semua jumlah dalam RM yang dinyatakan dibundarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) terdekat.

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk rider ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.
- Tempoh menunggu selama 60 hari dikenakan bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari; manakala tempoh menunggu 30 hari dikenakan untuk penyakit kritikal yang lain.
- Orang yang dilindungi mestilah hidup sehingga 30 hari selepas didiagnosis atau menjalani pembedahan untuk penyakit kritikal yang dilindungi.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan pelan asas anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Rider ini juga akan ditamatkan dan sebarang baki di dalam Akaun Peserta ("AP") akan dibayar. Jika anda ingin membatalkan rider ini, anda boleh memohon melalui endorsemen dengan mengisi borang endorsemen dan menghantarkannya kepada kami. Untuk makluman, baki di dalam AP tidak akan dibayar jika anda memilih untuk membatalkan rider ini sahaja.

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh : 01/06/2026

1 Apakah myWaiver?

myWaiver menawarkan perlindungan takaful terhadap penyakit -penyakit kiritikal untuk **20** tahun. Ia membayar caruman masa depan bermula dari tarikh akhir caruman takaful patut dibayar berikutnya sekiranya orang yang dilindungi didianogsis atau menjalani pembedahan untuk mana-mana daripada 47 penyakit kritikal dilindungi semasa tempoh bayaran caruman sijil.

Rider ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru', Wakalah, Jualah, Qard** dan **Hibah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai Ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM14,598.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Penyakit Kritikal	RM500,000.00 setiap tahun untuk caruman takaful masa depan bermula tarikh akhir caruman patut di bayar berikutnya.
-------------------	---

Penyakit kritikal dilindungi di bawah rider ini termasuk:

1. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal;
2. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan; atau
3. Serangan Jantung – keterukan tertentu.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran untuk senarai penuh penyakit kritikal dilindungi.

Takaful keluarga anda **tidak melindungi**:

- penyakit:
 - a) yang telah wujud sebelum perlindungan bermula;
 - b) yang disebabkan oleh sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu, atau selepas tempoh menunggu kecuali bagi penyakit kritikal yang disebabkan kecederaan;
 - c) dengan sebarang tanda atau simptom sebelum atau semasa tempoh menunggu, walaupun diagnosis dibuat selepas tempoh menunggu;
 - d) disebabkan oleh bahan senjata nuklear, radiasi pengion, pencemaran radioaktif, atau pembakaran bahan api nuclear;
 - e) yang berlaku ketika berada di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang mengubah fikiran; atau
 - f) disebabkan kecederaan diri sendiri dan kecacatan fizikal.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan
RHB terdekat



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my



Imbas kod QR untuk merujuk
Lampiran bagi maklumat lanjut

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:												
Caruman Takaful	RM14,598.00 tahunan											
Tempoh: 20 tahun												
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):												
Yuran Wakalah*	Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).											
	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	55.00	45.00	40.00	30.00	30.00	30.00	30.00	25.00	20.00	20.00	-
	RM	8,029	6,569	5,839	4,379	4,379	4,379	4,379	3,650	2,920	2,920	-
Komisen* (sebahagian daripada yuran Wakalah)	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	30.00	20.00	15.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	-
	RM	4,379	2,920	2,190	730	730	730	730	730	730	730	-
Caj perkhidmatan	RM1 sebulan											
Duti setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad											

* Semua jumlah dalam RM yang dinyatakan dibundarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) terdekat.

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk rider ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.
- Tempoh menunggu selama 60 hari dikenakan bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, manakala tempoh menunggu 30 hari dikenakan bagi penyakit kritikal yang lain.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon dengan mengisi boring penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Rider ini juga akan ditamatkan dan sebarang baki di dalam Akaun Peserta ("AP") akan dibayar. Jika anda ingin membatalkan rider ini, anda boleh memohon melalui endorsemen dengan mengisi borang endorsemen dan menghantarkannya kepada kami. Untuk makluman, baki di dalam AP tidak akan dibayar jika anda memilih untuk membatalkan rider ini sahaja.

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga.**

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah myPayor Plus?

myPayor Plus menawarkan perlindungan takaful untuk **20** tahun. Ia membayar caruman takaful masa depan bermula dari tarikh akhir caruman patut dibayar berikutnya, sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami keilatan menyeluruh dan kekal ("KMK"), atau didiagnosis atau menjalani pembedahan untuk mana-mana daripada 47 penyakit kritikal dilindungi semasa tempoh bayaran caruman sijil.

Rider ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru', Wakalah, Jualah, Qard** dan **Hibah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai Ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman takaful **RM19,818.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Kematian/KMK/Penyakit Kritikal	RM500,000.00 setiap tahun untuk caruman takaful masa depan bermula tarikh akhir caruman patut di bayar berikutnya sekiranya mana-mana peristiwa dilindungi berlaku kepada peserta.
--------------------------------	---

Penyakit kritikal dilindungi di bawah rider ini termasuk:

1. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal;
2. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan; atau
3. Serangan Jantung – keterukan tertentu.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran untuk senarai penuh penyakit kritikal dilindungi.

Takaful keluarga anda **tidak melindungi**:

- kematian akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama;
- KMK:
 - a) yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri;
 - b) disebabkan oleh penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang; atau
 - c) disebabkan oleh pelanggaran undang-undang atau kecederaan semasa melakukan, mencuba atau mencetuskan serangan atau jenayah.
- penyakit:
 - a) yang telah wujud sebelum perlindungan bermula;
 - b) yang disebabkan oleh sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu, atau selepas tempoh menunggu kecuali bagi penyakit kritikal yang disebabkan kecederaan;
 - c) dengan sebarang tanda atau simptom sebelum atau semasa tempoh menunggu, walaupun diagnosis dibuat selepas tempoh menunggu;
 - d) disebabkan oleh bahan senjata nuklear, radiasi pengion, pencemaran radioaktif, atau pembakaran bahan api nuklear;
 - e) yang berlaku ketika berada di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang mengubah fikiran; atau
 - a) disebabkan kecederaan diri sendiri dan kecacatan fizikal.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada sijil untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Mengunjungi cawangan
RHB terdekat



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my



Imbas kod QR untuk merujuk
Lampiran bagi maklumat lanjut

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:												
Caruman Takaful	RM19,818.00 tahunan											
Tempoh: 20 tahun												
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman takaful anda):												
Yuran Wakalah*	Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman takaful untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).											
	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	55.00	45.00	40.00	30.00	30.00	30.00	30.00	25.00	20.00	20.00	-
	RM	10,900	8,918	7,927	5,945	5,945	5,945	5,945	4,955	3,964	3,964	-
Komisen* (sebahagian daripada yuran Wakalah)	Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	> 10
	%	30.00	20.00	15.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	-
	RM	5,945	3,964	2,973	991	991	991	991	991	991	991	-
Caj perkhidmatan	RM1 sebulan											
Duti setem	Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad											

* Semua jumlah dalam RM yang dinyatakan dibundarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) terdekat.

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk rider ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.
- Tempoh menunggu sebanyak 60 hari dikenakan bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, manakala tempoh menunggu 30 hari untuk penyakit kritikal yang lain.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman takaful yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan untuk pemeriksaan kesihatan akan dipulangkan kepada anda.
- Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan pelan asas anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami. Rider ini juga akan ditamatkan dan sebarang baki di dalam Akaun Peserta ("AP") akan dibayar. Jika anda ingin membatalkan rider ini, anda boleh memohon melalui endorsemen dengan mengisi borang endorsemen dan menghantarkannya kepada kami. Untuk makluman, baki di dalam AP tidak akan dibayar jika anda memilih untuk membatalkan rider ini sahaja.


Konsep Syariah

Tabarru'	- Derma untuk tujuan kebajikan. - Anda menderma suatu amaun daripada AP ke dalam Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko") untuk membantu peserta lain. - Tabarru' berkuat kuasa apabila anda mencarum ke dalam Dana Risiko.
Wakalah	- Sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya. - Wakil tersebut akan melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. - Di dalam pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil, dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran Wakalah dan caj perkhidmatan.
Jua'lah	- Sebuah kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran kepada pihak lain atas pencapaian hasil tertentu. - Anda membenarkan kami untuk menerima 15% daripada keuntungan pelaburan daripada AP dan 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Risiko, jika ada, sebagai insentif prestasi atas pencapaian kami dalam menguruskan AP dan Dana Risiko.
Qard	- Pinjaman tanpa sebarang faedah. - Kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Dana Risiko tanpa faedah sekiranya Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
Hibah	- Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. - Manfaat-manfaat yang akan dibayar dari Dana Risiko adalah diberikan sebagai Hibah. - Penama boleh menerima manfaat yang dibayar sebagai Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.


Perlindungan/Manfaat - manfaat

Peristiwa Kemalangan	Peristiwa - peristiwa kemalangan untuk Kematian Akibat Kemalangan seperti berikut:	
	Peristiwa	Manfaat Tambahan Dibayar
	Kematian akibat kemalangan	RM500,000
	Kematian akibat kemalangan semasa dalam perjalanan sebagai penumpang dalam Pengangkutan Awam ¹ atau semasa Musim Perayaan Utama ²	RM1,000,000
	Kematian akibat kemalangan semasa berada di luar Malaysia ³	RM1,500,000
¹ Pengangkutan Awam bermaksud pengangkutan awam berlesen yang beroperasi mengikut laluan dan jadual tetap, seperti kapal terbang komersial, bas, kereta api, atau monorel. Ia tidak termasuk kereta kabel, teksi, kereta sewa, atau sebarang pengangkutan yang diatur untuk perjalanan persendirian. ² Sekiranya berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi disebabkan kemalangan kenderaan bermotor di jalan raya yang berlaku dari 2 hari sebelum sehingga 2 hari selepas mana-mana Musim Perayaan Utama: a. Hari Raya Aidilfitri; b. Hari Raya Aidiladha; c. Tahun Baru Cina; d. Deepavali; dan e. Hari Natal. ³ Kematian mestilah berlaku dalam tempoh 90 hari selepas orang yang dilindungi meninggalkan Malaysia. Jika kematian akibat kemalangan berlaku selepas tempoh ini, hanya manfaat kematian akibat kemalangan yang akan dibayar.		
	Peristiwa - peristiwa kemalangan untuk KMK Akibat Kemalangan seperti berikut:	
	Peristiwa	Manfaat Tambahan Dibayar
	KMK akibat kemalangan	RM500,000
Ganjaran Meraikan Kehidupan	Manfaat ini dibayar untuk mana-mana Peristiwa Meraikan Kehidupan seperti berikut: a. Perkahwinan (orang yang dilindungi atau anak orang yang dilindungi); b. Kelahiran anak (orang yang dilindungi atau anak orang yang dilindungi); c. Membeli hartanah (orang yang dilindungi); atau	

	d. Tamat pengajian daripada pengajian tinggi (orang yang dilindungi atau anak orang yang dilindungi).	
	Manfaat ini membayar 50% daripada caruman takaful tahunan, dihadkan kepada RM2,000 bagi setiap tuntutan, sehingga 5 kali semasa tempoh perlindungan. Layak bermula dari tahun ke-4 dan seterusnya dengan tempoh menunggu selama 3 tahun antara setiap tuntutan.	
Bayaran Manfaat	Jumlah manfaat untuk kematian/KMK akan dikurangkan sekiranya kejadian tuntutan berlaku orang yang dilindungi berumur bawah 5 tahun seperti berikut:	
	Umur	Jumlah Disemak Semula (Peratusan daripada jumlah manfaat)
	1	20%
	2	40%
	3	60%
	4	80%
	5	100%
Jadual myProtect Booster	Manfaat tambahan akan dibayar mengikut jadual di bawah:	
	Tahun berlaku Kematian/KMK	Manfaat Tambahan Dibayar
	Tahun 1 - 5	0%
	Tahun 6 - 10	10%
	Tahun 11 - 15	20%
	Tahun 16 - 20	30%
	Tahun 21 - 25	40%
Tahun 26 - 80	50%	
Senarai Penyakit Kritikal yang Dilindungi	Senarai Penyakit Kritikal	
	1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	25. Transplantasi Organ Utama / Sumsum Tulang
	2. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari*	26. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
	3. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27. Sklerosis Multipel
	4. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	28. Distrofi Otot
	5. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	29. Kelumpuhan Anggota
	6. Pembedahan Otak	30. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
	7. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
	8. Kardiomiopati – keterukan tertentu	32. Penyakit Arteri Koronari Serius
	9. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Sumsum Tulang kekal	33. Strok / Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
	10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	34. Pembedahan Aorta

11. Pembedahan Pintas Arteri Koronari	35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
12. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	36. Kelecuman Tahap Ketiga – keterukan tertentu
13. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	37. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) yang Diperolehi Melalui Pekerjaan
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir	38. Penyakit Terminal
15. Penyakit Paru – Paru Tahap Akhir	39. Penyakit Medulari Sistik
16. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (<i>AIDS</i>) Dengan Gejala Penuh	40. Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
17. Hepatitis Viral Fulminan	41. Hepatitis Autoimun Kronik
18. Serangan Jantung – keterukan tertentu	42. Pankreatitis Berulang Kronik
19. Pembedahan Injap Jantung	43. Penyakit Creutzfeldt-Jakob
20. Jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV) Melalui Transfusi Darah	44. Demam Berdarah Ebola
21. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	45. Elephantiasis
22. Kehilangan Upaya Hidup (Berdikari)	46. Poliomyelitis
23. Hilang Keupayaan Bertutur	47. Skleroderma Progresif
24. Trauma Kepala Major (Teruk) – mengakibatkan keilangan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	48. Sindrom Eisenmenger yang Teruk

*Tidak terpakai untuk *myWaiver* dan *myPayor Plus*.

Aktiviti Kehidupan Harian adalah seperti berikut:

- Pemindahan - Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Pergerakan -Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- Perihal Mengawal -Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya untuk menjaga kebersihan diri.
- Pemakaian -Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- Mandi/Membersihkan diri -Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tab mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- Makan -Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.


Terma & Syarat Utama Lain

Caruman Takaful	a) Caruman takaful bergantung kepada umur pada kemasukan, jantina orang yang dilindungi, tempoh bayaran caruman dan tempoh perlindungan. b) Amaun caruman takaful adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun caruman takaful. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuat kuasa. c) Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas pembayaran caruman takaful pertama seperti yang dinyatakan di dalam e-sijil anda berjaya. d) Selepas itu, caruman takaful seterusnya akan ditolak secara automatik daripada kad debit/kredit atau akaun semasa/simpanan yang dipilih berdasarkan mod pembayaran yang telah dipilih untuk memastikan perlindungan berterusan kepada orang yang dilindungi. e) Sila simpan resit yang akan di-e-melkan kepada anda, sebagai bukti pembayaran caruman takaful telah dibuat.
Tabarru'	a) Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada AP dan dikreditkan ke dalam Dana Risiko bergantung kepada jumlah perlindungan bersih, jumlah perlindungan, umur dicapai, jantina dan kelas perkerjaan orang yang dilindungi, di mana berkenaan. b) Amaun Tabarru' adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun Tabarru'. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuat kuasa.
Jumlah Perlindungan Bersih	Jumlah Perlindungan Bersih merujuk kepada amaun, jika ada, yang mana jumlah perlindungan melebihi sebarang baki di dalam AP.
Tempoh Tangguh	Anda mempunyai 30 hari daripada tarikh akhir untuk membayar caruman takaful. Sijil ini akan kekal berkuat kuasa semasa tempoh tangguh.
Tempoh Menunggu	<u>Penyakit Membawa Maut</u> a) 60 hari bagi kanser, serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari serius dan angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari. b) 30 hari untuk penyakit kritikal selain daripada yang di atas. <u>Penjagaan Vital</u> a) 120 hari untuk penyakit tertentu. b) 30 hari untuk penyakit-penyakit selain daripada penyakit tertentu.
Luput	Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan diberikan sekiranya baki di dalam AP telah habis digunakan.
Kuat Kuasa Semula	Sekiranya sijil anda telah luput, anda boleh kuat kuasa semula sijil anda, tertakluk kepada keperluan kami.
Lain - lain	Adalah penting untuk anda mengemaskini di dalam Portal myTakaful Customer atau memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas butiran hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.



Pengecualian - pengecualian

Pelan ini tidak melindungi perkara berikut:

Kematian	Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama.
KMK /Pemulihan Tahunan KMK	KMK: - yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri; - disebabkan oleh penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang; atau - disebabkan oleh pelanggaran undang-undang atau kecederaan semasa melakukan, mencuba atau mencetuskan serangan atau jenayah.
Kematian/KMK Akibat Kemalangan /Kematian Akibat Kemalangan untuk Keluarga	Kematian/KMK akibat kemalangan akibat: - bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri; - penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang; atau - sukan berbahaya, atau menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan.
Kematian Semasa Menunaikan Haji/Umrah	Kematian semasa menunaikan Haji/Umrah dalam tempoh tahun pertama.
Penyakit Membawa Maut	Penyakit: - yang telah wujud sebelum perlindungan bermula; - yang disebabkan oleh sebarang keadaan yang wujud atau telah didiagnosis semasa tempoh menunggu, atau selepas tempoh menunggu kecuali bagi penyakit kritikal yang disebabkan kecederaan; - dengan sebarang tanda atau simptom sebelum atau semasa tempoh menunggu, walaupun diagnosis dibuat selepas tempoh menunggu; - disebabkan oleh bahan senjata nuklear, radiasi pengion, pencemaran radioaktif, atau pembakaran bahan api nuklear; - yang berlaku ketika berada di bawah pengaruh alkohol, dadah, atau bahan yang mengubah fikiran; atau - disebabkan kecederaan diri sendiri dan kecacatan fizikal.
Penjagaan Vital	Penghospitan akibat: - keadaan yang telah wujud sebelum perlindungan bermula; - penyakit atau penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh menunggu; - perkara berkaitan kehamilan, termasuk melahirkan anak (normal atau pembedahan <i>caesarean</i>), keguguran, mengugurkan kandungan, penjagaan prenatal atau selepas bersalin, kawalan kelahiran, pembedahan kontraseptif, disfungsi erektik, pensterilan atau rawatan; - gangguan mental, saraf, atau psikotik, termasuk keadaan fizikal atau keadaan berkaitan tekanan; - penyakit atau kecederaan disebabkan alkohol, dadah atau bahan yang mengubah minda; - peperangan atau tindakan peperangan (yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), jenayah atau aktiviti pengganas, aktif bertugas dalam angkatan tentera, atau penyertaan secara langsung dalam mogok, kekecohan atau pemberontakan awam; - terdedah kepada radiasi pengionan, pencemaran radioaktiviti daripada bahan api nuklear, sisa nuklear atau bahan senjata api nuklear - mana-mana penyakit atau kecederaan daripada pelanggaran undang-undang atau perbuatan mencetuskan serangan; - bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri; - penerbangan persendirian, selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan berjadual komersial yang berlesen; - penyakit atau kecederaan daripada perlumbaan (kecuali lumba lari), sukan berbahaya (seperti terjun udara, luncur air, selam skuba, sukan musim sejuk), sukan professional atau sebarang aktiviti haram; - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (<i>AIDS</i>), jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (<i>HIV</i>) atau keadaan yang berkaitan; - dianggap tidak perlu dari segi perubatan mengikut diagnosis dan rawatan; atau - pemeriksaan atau konsultasi perubatan rutin, penjagaan dan rawatan kosmetik atau pergigian atau

	pembedahan plastik, pendermaan organ atau tisu, transformasi jantina, pembedahan eksperimen atau elektif atau anomali kongenital;
myProtect Booster	Kematian: - akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama. KMK: - yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau KMK berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri; - disebabkan oleh penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang; atau disebabkan oleh pelanggaran undang-undang atau kecederaan semasa melakukan, mencuba atau mencetuskan serangan atau jenayah.

Nota:

Senarai di atas adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

NOTA-NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.